

TARIKH : 24 MEI 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 13
SURAT

Usah jadikan PuTERA35 hiasan dalam fail kabinet

Sabtu, 24 Mei 2025

Nasional 13

'Usah jadikan PuTERA35 hiasan dalam fail kabinet'

TPM mahu semua kementerian aktif realisasikan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), program yang diwujudkan setahun lalu untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara, tidak boleh hanya 'menjadi hiasan dalam fail kabinet'.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebaliknya ia perlu dilaksanakan supaya mencapai matlamat kerana ia adalah komitmen nasional untuk memperkuhi penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera.

"Apabila saya melihat status pencapaian semasa, saya dapati masih banyak yang belum digerakkan. Ini dasar kerajaan. Jadi, perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian bukan hanya Kementerian Kewangan dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

"Semua kementerian, tanpa pengecualian, mesti memainkan peranan aktif seperti yang telah diaspirasikan.

"Jika komitmen ini tidak diterjemahkan kepada tindakan, kita hanya membazir masa dan membazir kepercayaan rakyat. Kita sudah ada pelan dan struktur, yang tinggal kini ialah disiplin pelaksanaan dan keberanian membuat keputusan," katanya ketika merasmikan Sesi Pemukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di sini semalam.

Beliau berkata sejak PuTERA35 dilancarkan pada KEB tahun lalu yang merangkumi tiga teras, 12 pemacu dan 132 inisiatif, ia mencapai kejayaan pelaksanaan sebanyak 15.7 peratus.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, sebagai pelan jangka panjang yang dirancang untuk memacu pembangunan dan pemilikan ekonomi dalam kalangan Bumiputera, PuTERA35 tidak boleh sekadar menjadi dokumen dasar semata-mata.

Pelan tindakan nyata

Katanya, ini perlu diterjemah kepada tindakan yang nyata, terancang dan menyeluruh kerana tanpa pelaksanaan yang berkesan, agenda ini berisiko tidak memberi kesan seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Ahmad Zahid turut menegaskan sudah tiba masanya untuk seluruh ekosistem kerajaan membolehkan kumpulan sepulungannya kepada pelaksanaan sebenar agenda PuTERA35.

Beliau berkata, satu dorongan kukuh dengan momentum kebangsaan perlu dilaksanakan bagi mengubah misi pemerkasaan Bumiputera menjadi satu gerakan yang benar-benar berkesan.

Katanya, lonjakan itu boleh dicapai menerusi lima tindakan utama yang perlu dilaksanakan secara berfasa dan menyeluruh dengan setiap pemacu di bawah PuTERA35 perlu mempunyai pelan komunikasi yang jelas, agresif dan konsisten.

"Rakyat berhak tahu, berapa usahawan Bumiputera telah dilahirkan tahun ini? Berapa yang telah naik daripada mikro kepada perusahaan sederhana? Berapa graduan TVET (Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional) kini bergaji RM4,000 ke atas?"

"Data tanpa naratif tidak hidup. Naratif tanpa data hanyalah propaganda," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, tindakan kedua yang perlu dilaksanakan ialah pendekatan pelaporan perlu diubah daripada pasif dan bersifat tahunan kepada pelaporan yang proaktif, berasaskan data masa nyata serta boleh diakses secara terbuka.

Selain itu katanya, semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) perlu memainkan peranan yang lebih strategik sebagai rakan pelaksana utama agenda Bumiputera.

Beliau berkata, ia juga seiring dengan mandat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukan GLC dan GLIC melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan memperluaskan rantai nilai mereka.

Ahmad Zahid menyampaikan ucapan pada Sesi Pemukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

